



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 20 Tahun 2012

**GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH YANG
MEMILIKI KELAYAKAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (Ph.D) DARI
JAWATAN PENSYARAH GRED 45/46 KE JAWATAN PENSYARAH
KANAN GRED 52 DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pensyarah dari jawatan Pensyarah Gred 45/46 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52 di Universiti Teknologi MARA bagi calon yang mempunyai kelayakan akademik Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA ke 126 pada 12 Jun 2012 telah meluluskan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pensyarah dari jawatan Pensyarah Gred 45/46 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52 di Universiti Teknologi MARA.

3. Pensyarah Gred 45/46 yang berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred 52 di jawatan Pensyarah Kanan **tanpa tertakluk** kepada tempoh perkhidmatan lima (5) tahun, tertakluk kepada syarat-syarat umum/wajib kenaikan pangkat.

4. Pensyarah berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) juga **tidak perlu** melalui proses penilaian berdasarkan prinsip-prinsip umum kenaikan pangkat untuk ke Gred 52 di jawatan Pensyarah Kanan tersebut.

5. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan maklumat yang berkenaan sebagai panduan dan rujukan untuk proses kenaikan pangkat;

- Lampiran 1 : Syarat, Kriteria dan Peraturan Kenaikan Pangkat Pensyarah Gred 45/46 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52 bagi calon yang telah memiliki kelayakan akademik Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D).
- Lampiran 2 : Borang perakuan Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan bagi Permohonan Kenaikan Pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52.

TUJUAN PELAKSANAAN

6. Garis panduan ini digubal bertujuan untuk memberikan maklumat kepada Bahagian Pentadbiran dan kakitangan akademik di setiap Fakulti/Kampus Negeri berkenaan dengan prosedur yang terlibat dalam proses kenaikan pangkat Pensyarah dari jawatan Pensyarah Gred 45/46 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52 yang mempunyai kelayakan akademik Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D).

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada 7 September 2012.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 12 Jun 2012.



PROFESSOR DR AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 500-BPD (BPPPK 10/2/3)
No Siri : 100-200-300*

**SYARAT, KRITERIA DAN PERATURAN KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH GRED 45/46
KE JAWATAN PENSYARAH GRED 52 BAGI CALON YANG TELAH MEMILIKI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)**

1.0 SYARAT SKIM

Pensyarah UiTM Gred DM45/46 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM52 apabila telah:-

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
- (c) Melempi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan (*dimansuhkan mulai 01.01.2011*); dan
- (d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan.

(Rujukan : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2010 berkenaan Perubahan Perbekalan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM yang berkuat kuasa mulai 01 September 2010)

2.0 KRITERIA DAN PERATURAN

2.1 Selain dari wajib memenuhi syarat kenaikan berdasarkan skim perkhidmatan pensyarah, Pensyarah UiTM Gred 45/46 yang berkeelayakan Ph.D adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan UiTM Gred 52, apabila telah;

- (a) Membuat Aku Janji
- (b) Telah mengisytiharkan harta
- (c) Bebas dari tindakan tatatertib
- (d) Mencapai markah Laporan Nilaiian Tahunan (LNPT) **minima 80% bagi tiga (3) tahun berturut-turut** (calon yang cuti belajar memenuhi markah Laporan Nilaiian Tahunan (LNPT) **minima 50% bagi tiga (3) tahun berturut-turut**).
- (e) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan
- (f) Bagi permohonan di mana Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) bukan bidang teras, Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya akan meminta ulasan/ sokongan dari Dekan/ Rektor.

- 2.2 Tertakluk kepada syarat-syarat di atas, calon-calon **tidak perlu** melalui proses penilaian berdasarkan prinsip-prinsip umum kenaikan pangkat bagi staf akademik.
- 2.3 Berasaskan kelonggaran yang diberikan ini, bahan-bahan/hasil akademik dan lain-lain maklumat bagi tujuan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred 54 dan ke atas adalah **dinilai** berdasarkan bahan-bahan/hasil akademik dan lain-lain maklumat **di jawatan semasa**, iaitu dari lantikan di Gred 52 agar calon-calon terlibat dapat terus memberikan hasil/sumbangan atau melibatkan diri demi pembangunan organisasi.
- 2.4 Permohonan kenaikan pangkat boleh dikemukakan oleh Dekan Fakulti / Rektor Kampus kepada urus setia kenaikan pangkat Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya (BPPPK) apabila calon-calon terlibat didapati layak dan telah memenuhi syarat-syarat / kriteria sepertimana ditetapkan.
- 2.5 Urusan kenaikan pangkat ini tidak dilaksanakan secara automatik kerana skim perkhidmatan Pensyarah UiTM membolehkan pensyarah di Gred 45/46 yang layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Gred 54 di jawatan Profesor Madya apabila mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya, atau kenaikan pangkat ke Gred Khas C di jawatan Profesor, apabila mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya, di samping syarat-syarat lain yang munasabah yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM.
- 2.6 Sehubungan itu, permohonan kenaikan pangkat adalah menggunakan borang yang disediakan iaitu Borang UiTM/Perakuan52(Ph.D)/2012.



**PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT
PENSYARAH GRED 45/46 YANG TELAH MEMILIKI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH (Ph.D) KE JAWATAN PENSYARAH KANAN GRED 52
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

A. KETERANGAN DIRI

1. Nombor Pekerja : No. K/P
2. Nama Penuh (*Seperti dalam K/Pengenalan*) :
3. Jawatan Sekarang :
Jabatan Sekarang :
4. Alamat Surat Menyurat :
5. No. Telefon (Pejabat/Rumah/HP) : E-mel :

B. SYARAT SKIM KENAIKAN PANGKAT

6. Tindakan (Sila Tandakan Pada Petak Yang Berkaitan)

1	Disahkan dalam perkhidmatan		4	Telah mengisytiharkan harta	
2	Membuat Aku Janji (SAJ)		5	Bebas dari tindakan tatatertib	
3	Mencapai 80% markah minima perkhidmatan tiga (3) tahun berturut-turut (Calon yang cuti belajar markah minima ialah 50%)		6	Ijazah Doktor Falsafah adalah bidang teras	Ya
					Tidak

C. KELULUSAN AKADEMIK

7. Butiran Kelayakan Ph.D

Ph.D	Bidang Pengkhususan	Nama Institusi	Tarikh (HH/BB/THN)

Nota:

Calon perlu mengemukakan salinan surat perakuan Senat Universiti sebagai bukti telah tamat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau salinan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), jika tiada perakuan Senat.

D. PENGAKUAN PEMOHON

8. Saya mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar dan betul.

Tandatangan :

Tarikh :

E. PERAKUAN DEKAN/REKTOR

9. Dengan ini disahkan bahawa permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan di Gred 52 adalah disokong.

Tandatangan, Nama dan Cop Jabatan :

Tarikh :

PERINGATAN : *Sekiranya terdapat maklumat yang **tidak benar**, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.*